

## **FORMAT PERTANDINGAN PERTANDINGAN TARANNUM & TAFSIR**

KATEGORI : LELAKI & PEREMPUAN

PENYERTAAN : 2 ORANG BAGI SETIAP KATEGORI DARI SEMUA MRSM

### **Peraturan Umum Ujian Tilawah & Tafsir Al-Qur'an.**

#### **1. Penyertaan :**

- 1.1 Peserta terbuka kepada semua pelajar Islam lelaki dan perempuan yang sedang menuntut di MRSM sahaja.
- 1.2 Semua maktab diwajibkan untuk menghantar wakil maktab masing-masing.
- 1.3 Penyertaan adalah secara berpasukan (2 orang). Peserta pertama dikehendaki menyampaikan bacaan tilawah al-Quran bertarannum dan peserta kedua menyampaikan tafsiran ayat-ayat yang telah disampaikan oleh peserta pertama.
- 1.4 Setiap maktab hendaklah menghantar 2 pasukan (1 pasukan lelaki dan 1 pasukan perempuan)
- 1.5 Peserta WAJIB menguasai terjemahan dan tafsir ayat yang dibaca.
- 1.6 Salah seorang peserta, samada peserta tarannum atau peserta tafsir adalah merupakan peserta pidato bahasa arab
- 1.5 Keputusan hakim adalah MUKTAMAD.

#### **2. Peraturan KHAS untuk peserta perempuan:**

- 2.1 Sekiranya peserta pertama (Qari'ah) mengalami uzur sya'ie, peserta dibenarkan untuk bertukar kategori dengan peserta kedua dalam pasukan yang bebas daripada uzur syar'ie.
- 2.2 Oleh itu, setiap peserta dalam pasukan bagi pertandingan Tilawah al-Quran dan tafsir hendaklah terlatih bagi dua-dua acara untuk menghadapi sebarang pertukaran.

#### **3. Pakaian :**

- 3.1 Pakaian peserta lelaki, baju melayu yang lengkap bersamping dan bersongkok.
- 3.2. Pakaian peserta perempuan, baju kurung atau jubah dan bertudung.

#### **4. Undian Giliran**

- 4.1 Undian giliran pasukan akan ditentukan oleh jawatankuasa pertandingan;
- 4.2 Peserta hendaklah memilih sendiri nombor undian.
- 4.3 Sekiranya peserta atau wakil peserta, hadir lambat atau tiada ditempat undian, maka undian akan dibuat oleh jawatankuasa penganjur.

#### **5. Undian Ayat dan Kumpulan**

5.1 Setiap peserta akan diberikan senarai surah dan nombor ayat untuk persediaan tiga minggu sebelum pertandingan.

5.2 Setiap peserta akan mengundi dengan memilih satu sampul surat yang mengandungi juzuk, surah dan ayat yang telah ditetapkan.

5.3 Pengundian akan dijalankan sebanyak dua kali:

-Peringkat Awal (undian ayat dan kumpulan dibuat sebelum pertandingan)

-Peringkat Akhir (undian dijalankan selepas keputusan peringkat awal diumumkan)

5.4 Peserta hendaklah memilih sendiri nombor undian.

5.5 Sekiranya peserta atau wakil peserta, hadir lambat atau tiada di tempat undian, maka undian akan dibuat oleh jawatan kuasa penganjur.

## 6. Aturcara Pertandingan

6.1 Pertandingan ini dijalankan secara berperingkat iaitu peringkat awal (kumpulan) dan peringkat akhir.

6.2 Pembahagian kumpulan adalah seperti berikut:

<b>KUMPULAN LELAKI</b>			
<b>Kumpulan 1</b>	<b>Kumpulan 2</b>	<b>Kumpulan 3</b>	<b>Kumpulan 4</b>
13 pasukan	13 pasukan	13 pasukan	13 pasukan

<b>KUMPULAN PEREMPUAN</b>			
<b>Kumpulan 1</b>	<b>Kumpulan 2</b>	<b>Kumpulan 3</b>	<b>Kumpulan 4</b>
13 pasukan	13 pasukan	13 pasukan	13 pasukan

6.3 Pemenang tempat pertama dan kedua bagi setiap kumpulan akan mara ke peringkat akhir (8 pasukan lelaki dan 8 pasukan perempuan).

## 7. Masa bacaan (Tilawah)

7.1 Masa bacaan bagi setiap peserta tilawah ialah 8 minit.

7.2 Peserta boleh membaca seberapa banyak ayat asalkan tidak melebihi jangka masa 8 minit.

7.3 Penilaian dan pemarkahan hanya akan dikira sepanjang 8 minit tersebut. Markah tidak akan dikira selepas 8 minit berlalu.

7.4 Loceng pertama akan dibunyikan pada minit yang ke 7 dan loceng kedua akan dibunyikan pada minit yang ke 8.

## Masa bacaan (Tafsir)

7.5 Masa huraian tafsir bagi setiap peserta kedua ialah 3 minit.

7.6 Peserta kedua hendaklah menghuraikan tafsir bagi ayat-ayat yang telah dibaca oleh peserta pertama.

7.7 Penilaian dan pemarkahan hanya akan dikira sepanjang 3 minit tersebut. Markah tidak akan dikira selepas 3 minit berlalu.

7.8 Loceng pertama akan dibunyikan menandakan bermulanya masa persembahan huraian tafsir (1 kali).

7.9 Loceng kedua akan di bunyikan pada minit ke 3 sebagai penanda masa tamat (2 kali).

## 8. Bentuk bacaan

8.1. Peserta wajib membaca secara **tartil**.

8.2. Bacaan mestilah mengikut riwayat Hafs 'an A'sim menurut Tariq Syathibie.

8.3. Diwajibkan mempersembahkan tiga alunan lagu dalam bacaan yang dipilih oleh peserta sendiri.

## 9. Cara Penghakiman

9.1 Penghakiman ujian tilawah dan tafsir ini dibahagikan kepada 4 bahagian, dengan pecahan markah seperti berikut :

i.	Tajwid	:30 markah
ii.	Tarannum	:20 markah
iii.	Fasohah	:15 markah
iv.	Suara	:5 markah
v.	Tafsir	:30 markah

<b>BAHAGIAN</b>	<b>MARKAH</b>
<b>Isi</b> -Ketepatan, sumber rujukan bagi setiap dalil dan huraian, kaitan dengan ilmu-ilmu seperti Geografi, Sains, Sejarah dan isu-isu semasa.	15
<b>Gaya Penyampaian</b>	10
<b>Kelancaran</b> -Tidak melihat teks atau sebarang nota semasa sesi penyampaian	5
<b>JUMLAH (TAFSIR)</b>	30
<b>JUMLAH (TARANNUM+TAFSIR)</b>	(70+30)= 100 markah

9.2 Seandainya didapati ada mana-mana pasukan yang mendapat markah yang sama, markah tajwid akan diambil kira untuk menentukan kemenangan.

#### **PERINGATAN**

1. Keputusan hakim adalah muktamad.
2. Sebarang pertanyaan berkaitan **Pertandingan Tarannum & Tafsir** boleh menghubungi Penyelaras Pertandingan **Ustazah Noor Afidah Bt mohd Sharif** di talian **013-2519527**.
3. Tarikh tutup pendaftaran penyertaan (secara atas talian) : **16 Jun 2017 (Jumaat)**.

**SENARAI SURAH DAN AYAT BAGI**  
**PERTANDINGAN TARANNUM DAN TAFSIR**

<b>BIL.</b>	<b>SURAH</b>	<b>AYAT</b>
<b>1</b>	<b><i>AL-BAQARAH</i></b>	<b>219</b>
<b>2</b>	<b><i>ALI-'IMRAN</i></b>	<b>181</b>
<b>3</b>	<b><i>AN-NISA'</i></b>	<b>29</b>
<b>4</b>	<b><i>AL-KAHFI</i></b>	<b>27</b>
<b>5</b>	<b><i>AL-AN'FAL</i></b>	<b>1</b>
<b>6</b>	<b><i>AL-ANKABUT</i></b>	<b>41</b>
<b>7</b>	<b><i>YUNUS</i></b>	<b>90</b>